

Enam lagi anggota KMM ditahan di bawah ISA

UM 1 1 OCT 2001

Oleh SYAHRIL A. KADIR dan SUFFIAN ABU BAKAR

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Polis hari ini menangkap enam lagi anggota kumpulan militan KMM di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan yang mengancam dan memudaratkan keselamatan negara.

Mereka yang ditangkap di bawah Seksyen 73 (1) akta itu juga dipercayai terlibat dalam kegiatan militan termasuk pernah menjalani latihan ketenteraan di Kem Mujahidin di Afghanistan.

Penguasa Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Supritendan Benjamin Hasbie berkata, mereka ialah guru agama, Khairuddin Saad, 30, dari Kampung Masjid Baru, Merbok, Kedah; peniaga, Hazami Ishak, 33, dari Langgar, Kota Bharu, Kelantan dan ditangkap di Pasir Mas, Kelantan; guru Sekolah Islahiah Dinniah, Zulkifli @ Zul Memali Ahmad, 39, dari Kampung Becah Sawa, Baling, Kedah yang ditangkap di rumahnya di Baling.

Tiga lagi ialah Mohamad Zulkifli @ Pak Su Md. Isa, 35, dari Kampung Memali, Baling, yang ditangkap di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Baling; Mohd. Salleh Said, 30, dari Ipoh, Perak, yang ditangkap di Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah, Ipoh; serta Mohamad Zulkifli Mohamad Zakaria, 32, dari Sauk, Perak dan ditangkap di rumahnya di Manjung, Perak. Ketiga-tiganya guru agama.

"Penahanan mereka adalah perlu untuk membolehkan siasatan terperinci mengenai pembabitannya mereka dibuat," kata beliau.

Benjamin berkata, penangkapan keenam-enam anggota kumpulan militan KMM itu dibuat dalam operasi yang bermula pukul 12.15 tengah malam tadi sehingga 2.10 petang hari ini.

■ Lihat muka 4

Enam lagi anggota KMM ditahan di bawah ISA

Tangkapan ini menjadikan jumlah kesemua ahli kumpulan militan KMM yang ditangkap sehingga kini sebanyak 16 orang.

Sebelum ini, sembilan anggota kumpulan militan KMM dikenakan tahanan selama dua tahun mengikut ISA berkuat kuasa 24 September di atas sebab-sebab yang sama.

Mereka yang ditahan ialah Nik Adli Nik Abdul Aziz, 34; Md. Lotfi Ariffin, 33; Solehan Abd. Ghafar, 38; Alias Ngah, 35; Ahmad Tajuddin Abu Bakar, 45.

Zainon Ismail, 45; Abu Bakar Che Doi, 33; Asfawani Abdullah @ Ab. Wahab, 35, dan Ahmad Pozi Darman, 32.

Seorang yang diletakkan dalam pemerhatian (Akta Kediaman Terhad) di Kluang, Johor ialah Noorashid Sakib, 33.

Nik Adli yang juga ketua kumpulan militan KMM ditahan bersama sembilan lagi yang didakwa terbabit dalam kegiatan militan untuk menegakkan kerajaan Islam menggunakan kekerasan pada Ogos lalu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, lebih ramai anggota KMM akan ditahan sebaik sahaja identiti mereka dikenal pasti.

Beberapa anggota kumpulan tersebut turut dipercayai terbabit dalam kegiatan rompakan bank dan membunuh Ahli Dewan Undangan Negeri Lunas, Dr. Joe Fernandez.